

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

PEGAWAI SAINS C41 (KONTRAK TIDAK BERWARAN) DI PEJABAT PENGURUSAN MAKMAL BERPUSAT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

TEMPOH LANTIKAN

Satu (1) Tahun

SPESIFIKASI KERJA

1. Bertanggungjawab dalam memastikan pengoperasian Pejabat Pengurusan Makmal Berpusat beroperasi dengan efisien.
2. Bertanggungjawab dalam melaksana dan mengurus aktiviti pembangunan sistem LESIS@USM mengikut garis masa yang telah ditetapkan seperti:-
 - I. Mengawalselia kemasukan data dan pemurnian data peralatan.
 - II. Membina kerjasama dengan Pusat Tanggungjawab/Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti/Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi/Jabatan Bendahari.
 - III. Menangani masalah yang berbangkit (*trouble shooting*) sistem LESIS@USM
 - IV. Penyediaan laporan.
3. Bertanggungjawab ke atas pengurusan dan aktiviti makmal berpusat dengan memastikan pengurusan kawalan kualiti, pembangunan pengetahuan dan kemahiran teknikal anggota organisasi.
4. Mengawalselia sistem tempahan dan bayaran menggunakan LESIS@USM. Mengurus aset pejabat. Memastikan pembangunan sistem pengurusan kualiti makmal dan organisasi sentiasa dikemaskini.
5. Merancang, memantau dan menyelia aktiviti pengurusan kewangan untuk penyelenggaraan peralatan makmal.
6. Melibatkan diri dalam perkhidmatan universiti, komuniti, industri, aktiviti perundingan dan lain-lain berkaitan.

KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Mempunyai **Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Pemohon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

KRITERIA TAMBAHAN

Calon yang mempunyai minat mendalam dan berkemahiran dalam penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) adalah satu kelebihan.

EMOLUMEN

Gaji Pokok: **RM2,317.00 sebulan**

Elaun:

Imbuhan Tetap Khidmat Awam: **RM300.00 sebulan**

Imbuhan Tetap Perumahan: **RM300.00 sebulan**

Bayaran Imbuhan Sara Hidup: **RM300.00 sebulan**

CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengisi pautan: [PERMOHONAN JAWATAN](#) dengan lengkap dan memuat naik semua dokumen berkaitan bermula dari 30 Januari 2024 (Selasa). Tarikh akhir permohonan ialah pada **9 Februari 2024 (Jumaat)**.

Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil temuduga.

